

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pembiayaan Projek / Pelaburan Luar Negara-i sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada EXIM Bank mengenai mana-mana terma dan syarat produk tersebut jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini.)

Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Pembiayaan Projek / Pelaburan Luar
Negara-i



Tarikh: _____

(untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan)

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Projek / Pelaburan Luar Negara-i ialah kemudahan disediakan kepada syarikat-syarikat yang dimiliki dan diusahakan oleh rakyat Malaysia. Kemudahan ini menyediakan bantuan kewangan kepada pelabur / kontraktor Malaysia yang melaksanakan projek di luar negara seperti infrastruktur, perkilangan dan projek-projek pembangunan yang lain.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Konsep Syariah yang diguna pakai untuk Pembiayaan Projek / Pelaburan Luar Negara-i adalah Ijarah, Istisna', Murabahah atau Tawarruq (yang mana diguna pakai).

- **Ijarah:**
Ia adalah satu kontrak Ijarah yang secara khusus berakhir dengan pemilikan yang dipindahkan daripada Bank sebagai Pemilik / Tuan Tanah / Pemberi Pajak kepada Pelanggan sebagai Penyewa / Penerima Pajak pada akhir tempoh pembiayaan.
- **Istisna':**
Istisna' di mana komoditi / aset diurusniagakan sebelum ia mula wujud. Ia merupakan kontrak atau perintah kepada pembina atau pengilang untuk membina atau mengeluarkan secara khusus berdasarkan spesifikasi yang disediakan oleh pembeli. Selepas memberi notis, salah satu pihak boleh membatalkan kontrak sebelum pihak pembuatan telah mula tugasnya.
- **Murabahah:**
Murabahah adalah transaksi kos tambah keuntungan di mana penjual mendedahkan kos barangan yang dijual dan menjualnya kepada orang lain dengan menambah keuntungan yang dipersetujui bersama di atasnya yang boleh sama ada sekali gus atau melalui nisbah yang telah dipersetujui atau keuntungan yang akan dikenakan ke atas kos, sehingga mendapatkan harga yang ditetapkan.
- **Tawarruq:**
Tawarruq adalah pengaturan yang melibatkan penjualan sesuatu komoditi atau aset berdasarkan bayaran tertanggung dengan cara Murabahah. Dalam kes ini, Pelanggan membeli komoditi itu sebagai aset sandaran daripada Bank. Komoditi atau aset kemudiannya dijual secara tunai kepada pihak selain daripada penjual asal.

3. Apakah yang ditawarkan?

Pembiayaan Projek-i

- Margin pembiayaan maksimum sehingga 85% daripada Kos Projek atau Nilai Kontrak
- Tempoh maksimum sehingga 10 tahun termasuk tempoh tangguh tidak melebihi 2 tahun
- Membayar keuntungan

Pembiayaan Pelaburan-i

- Margin pembiayaan maksimum sehingga 80% daripada Pelaburan/Nilai Aset termasuk Modal Kerja (jika berkenaan)
- Maksimum sehingga 10 tahun termasuk tempoh tangguh tidak melebihi setahun

semasa tempoh
tanggung

4. Siapakah yang layak untuk produk?

- Pembekal / kontraktor Malaysia
- Syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pengalaman perniagaan berkaitan dan sekurang-kurangnya didaftarkan di bawah sebuah syarikat Sendirian Berhad.

5. Apakah kadar yang ditawarkan?

Kadar keuntungan berdasarkan Kos Dana ditambah keuntungan.

6. Apakah jenis perbelanjaan yang layak untuk dibiayai?

Pembiayaan Projek-i

- Untuk membiayai pembangunan, menaik taraf atau pengembangan kemudahan infrastruktur, janakuasa dan bangunan dan pembelian aset tetap (seperti jentera dan peralatan).

Pembiayaan Pelaburan-i

- Untuk membiayai pelabur Malaysia untuk membuat pelaburan merentas sempadan melalui pembelian aset di luar negara (aset tetap dan semasa seperti bangunan, kilang, premis perniagaan, loji dan jentera, bahan mentah) atau pembelian ekuiti dalam pertubuhan luar Negara

7. Apakah cagaran yang diperlukan untuk mengambil produk ini?

(Tidak terhad kepada terma dan syarat berikut)

- Akaun Dana Penjelas/ Deposit Berskala
- Penjamin Korporat
- Pemegang saham / Jaminan Pengarah
- Caj Pertama keatas asset tetap & terapung pelanggan
- Caj Harta Tanah
- Tugasan kontrak / hasil bayaran / kutipan insurans / faedah projek
- Tugasan Akaun yang ditetapkan
- Cagaran saham atau Akaun Pelaburan Am

8. Kemanakah pembayaran disalurkan?

Pembiayaan Projek-i

- Secara langsung kepada pembekal/kontraktor atau kepada pelanggan untuk modal kerja

Pembiayaan Pelaburan-i

- Terus kepada pembekal/ kontraktor untuk pengubahsuaian/ baik pulih atau pembelian jentera, bahan mentah atau kepada pelanggan

9. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

a) Duti Setem

Sesuai dengan Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989)

b) Yuran Pemprosesan

Yuran pemprosesan sebanyak satu peratus (1%)* daripada jumlah pembiayaan.

(*) tertakluk pada terma dan syarat. Perusahaan Kecil dan Serderhana (PKS) dikecualikan.

Nota: Semua yuran dan caj tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan. Jika

terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan pembiayaan, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

10. Apakah matawang yang diterima untuk transaksi ini?

Ringgit Malaysia, United States Dollar (USD), Euro dan matawang lain yang diterima EXIM Bank

11. Apakah tindakan jika saya gagal menjalankan tanggungjawab saya?

Bank boleh mengenakan Ta'widh (ganti rugi) pada wang yang tertunggak, jika Pelanggan gagal untuk membayar apa-apa bayaran yang tertunggak kepada Bank seperti berikut:

- Pada 1% setahun atas jumlah tertunggak dalam tempoh itu
Formula: AmaunAnsuran Tertunggak x 1% x Bilangan Hari Tertunggak / 365/366 hari; atau
- Pada kadar semasa Pasaran Wang Islam (IIMM) Bank ke atas baki jumlah asal untuk bayaran tertunggak pada dan selepas tarikh matang
Formula: (Baki tertunggak X kadar IIMM X Bilangan hari tertunggak)/ 365/366 hari; atau
- Menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

12. Bagaimanakah jika saya selesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

Bank hendaklah memberikan rebat (Ibra') ke atas keuntungan bagi:

- a) Penyelesaian awal Harga Jualan Bank; dan
- b) Penyelesaian awal kerana penstrukturan semual, kemungkiran, penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang Harga Jualan Bank.

Rebat = Harga Belian Bank (Kos) X Kadar Keuntungan X Baki Hari/360 (matawang asing) 365 (bagi RM)

Nota: Rebate (Ibra') hendaklah diberikan bagi semua produk pembiayaan berasaskan jualan yang ditawarkan oleh EXIM Bank.

13. Apakah kaedah bayaran balik yang digunakan oleh produk ini?

Pembiayaan Projek

- Bulanan-suku tahunan-setengah tahunan daripada aliran tunai

Pembiayaan Pelaburan

- Bulanan-suku tahunan-setengah tahunan daripada aliran tunai

14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman web, di cawangan-cawangan atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi & Pengurusan Pihak Berkepentingan
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Level 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Fax: +603-26012469
Website: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: +603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

16. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai produk Pembiayaan Projek Kontrak/Pelaburan Luar Negara-i boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan sila hubungi kami di:-

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD
Level 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Fax: +603-26012469
Web: www.exim.com.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 31 Mac 2017.

Saya / Kami dengan ini mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk (LPP) kepada pelanggan.

Nama Pekerja	:		Nama Pelanggan	:	
I/D Pekerja	:		Tarikh	:	
Tarikh	:				